

Headline	MAF rancang pelbagai aktiviti tambah dana		
Media Title	Berita Harian		
Date	25 April 2015	Color	Black & White
Section	Nasional	Circulation	151,490
Page No	24	Readership	1,035,000
Language	Bahasa	Size	19.63x15.56
Journalist		AdValue	RM 4,774.69
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,324.08



MAF rancang pelbagai aktiviti tambah dana

» Yayasan AEON Malaysia fokus bantu kanak-kanak di pedalaman

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Yayasan AEON Malaysia (MAF) akan terus menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang tahun ini bagi menambah dana untuk disalurkan kepada golongan memerlukan.

Presiden MAF, Datuk Abdullah Mohd Yusof, berkata program yang dirancang adalah kesinambungan kepada usaha yang dijalankan sebelum ini sejak penubuhan yayasan berkenaan pada tahun 2004.

"Selaras matlamat penubuhan yayasan ini, kami memfokuskan kepada golongan



"Kami memfokuskan kepada golongan yang memerlukan bantuan **terutama kanak-kanak di pedalaman**"

Abdullah Mohd Yusof,
Presiden MAF

yang memerlukan bantuan terutama kanak-kanak di pedalaman yang membabitkan proses pembelajaran mereka.

Bantu ahli sakit kronik

"Selain itu, bantuan kepada orang kurang upaya (OKU), rumah orang tua dan keluarga

yang mempunyai ahli yang berpenyakit kronik juga turut disalurkan," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, semalam.

MAF yang kini mempunyai 570 ahli ditubuhkan untuk meneruskan pemberian bantuan kepada masyarakat negara ini

yang memerlukan tanpa mengira bangsa, agama dan ke-fahaman masing-masing terutama kanak-kanak.

Serah bantuan

Kejayaan MAF menyampaikan bantuan kepada sekolah di Bau, Sarawak; mangsa peperangan di Gaza menerusi Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY), mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu, selain bantuan musim perayaan sepanjang tahun lalu akan diteruskan.

Tahun lalu, sejumlah RM200,000 masing-masing RM100,000 disumbangkan kepada mangsa Gaza dan mangsa Taufan Haiyan di Filipina, manakala RM350,000 lagi kepada mangsa banjir di Pantai Timur.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, sebagai program yang terkini satu Kejohanan Golf MAF akan diadakan Rabu depan di Kelab Golf & Country Glenmarie untuk mengumpul dana menerusi yuran penyertaan.

Selain itu, katanya, majlis Makan Malam Gala juga dijadualkan pengajurannya pada Oktober ini dengan sasaran pungutan dana sebanyak RM1 juta.

"Tabung Syiling masih diletakkan di 29 cawangan Jaya Jusco seluruh negara dan orang ramai boleh menghulurkan sumbangan secara dalam talian menerusi edonation.aeon-retail.com.my," katanya.